

10 JUL 1996

PARLIMEN: LIMA RAKYAT SINGAPURA DITANGKAP KERANA PIL ECSTASY

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Lima warganegara Singapura ditangkap sehingga 30 Jun lepas kerana terbabit dalam penyalahgunaan pil Ecstasy.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebanyak 4,084 biji pil jenis itu dirampas daripada mereka.

Dalam jawapan bertulis kepada soalan Vincent Lim Kuo Phau (BN-Petaling Jaya) Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata penyalahgunaan pil itu hanya dapat dikesan pada awal tahun ini di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor.

Katanya, pil Ecstasy merupakan sejenis dadah berbahaya yang dikawal di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan 1980).

Menurut beliau, pengambilan pil berbentuk tablet, kapsul dan serbuk itu boleh mendatangkan kesan buruk seperti panas badan, pengsan, kerosakan hati, kerosakan buah pinggang dan membawa maut. -- BERNAMA

HS FAZ